

Gantung pengedar dadah masih hukuman kecil — PM

UM 2 JUL 1986

KUALA LUMPUR 1 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa hukuman gantung ke atas pengedar - pengedar dadah masih merupakan hukuman kecil jika dibandingkan dengan malapetaka yang akan menimpa rakyat akibat perbuatan mereka.

Perdana Menteri berkata, walaupun hukuman gantung dilaksanakan di negara ini, masih terdapat pengedar - pengedar dadah menjalankan kegiatan mereka semata - mata kerana

hendak kaya cepat secara mudah.

Beliau yang pertama kali mempengerusikan mesyuarat kesembilan jawatankuasa anti dadah, Majlis Keselamatan Negara di sini mengulangi bahawa Malaysia akan terus melaksanakan hukuman gantung ke atas sesiapa sahaja yang didapati menyeludup dadah ke negara ini.

Pengarah petugas pasukan anti dadah Majlis Keselamatan Negara, Encik Khairuddin Ibrahim dalam sidang akhbar selepas mesyuarat jawatankuasa itu

memberitahu, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa hukuman berat adalah perlu bagi menjamin negara ini bebas dari ancaman dadah dan aktiviti penyeludupannya.

Dalam mesyuarat berkenaan, Perdana Menteri diberitahu bahawa sejumlah 111,688 penagih dadah dikesan dari tahun 1970 hingga April 1986.

Mesyuarat pagi ini juga, ujar beliau, mengambil keputusan untuk membina lima lagi pusat pemulihan sebagai tambahan kepada tujuh pusat pemulihan yang terdapat sekarang.

Penghuni

Tiap - tiap pusat pemulihan boleh menampung antara 300 hingga 500 penghuni.

Menurut Encik Khairuddin, kawasan yang dikenalpasti ialah Kem Kemumin, Kelantan, bekas kem tentera di Karangan, Kedah, bekas kem tentera di Pengerang, Kota Tinggi, Johor dan bekas kem pasukan polis hutan di Jerantut dan Karak.

Katanya, sepanjang tahun 1986, pihak polis berjaya mengesan dan menghancurkan 77 buah sindiket pengedar dadah dan siasatan menunjukkan bahawa ketua - ketuanya terdiri dari mereka yang berusia di bawah 30 tahun dan merupakan kumpulan yang berani mengambil risiko dalam menjalankan kegiatan haram mereka.

Beliau memberitahu, pada bulan Februari lalu, sebuah sindiket dadah antarabangsa telah dihancurkan dengan tertangkapnya

seorang warganegara Thai yang merupakan pembekal dadah terbesar.

Sindiket ini, katanya, membekalkan tidak kurang daripada 21 buah sindiket lain yang berpusat di Malaysia.

Menurut Encik Khairuddin, di bawah Ordinan Darurat 5/69 dan Akta Dadah Berbahaya 1985, seramai 225 orang telah ditangkap dalam tempoh Januari hingga Mei 1986 berbanding dengan 339 orang bagi seluruh tahun 1985.

Tambah beliau, sejak 1975, seramai 119 orang telah dijatuhkan hukuman gantung dan dari jumlah itu 36 orang telah menjalani hukuman tersebut.

Mengenai rampasan dadah, beliau berkata, rampasan morfin tahun ini ialah 18.02 kilogram berbanding 0.006 kilogram bagi tahun 1985, satu peningkatan besar dalam jangka masa yang singkat.

Beliau juga menarik perhatian tentang rampasan 283,569 biji pil psikotropik yang menurutnya adalah lebih dua kali ganda jumlah rampasan sepanjang tahun 1975 hingga 1985.

Menurutnya, jabatan kastam telah diarahkan supaya mengadakan unit perisikan dengan cara yang lebih tersusun, menggunakan unit anjing untuk mengesan penyeludupan dadah dan memberi latihan kepada kakitangannya untuk mencegah kemasukan bekalan dadah melalui pintu - pintu masuk di kawasan sempadan darat, laut, udara dan melalui pos.